

Kementerian minta semua negeri sedia hadapi El Nino

TANJONG KARANG -

Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air meminta kerjasama semua negeri menyediakan laporan paras air di setiap empangan serta kolam takungan secara berperingkat sebelum dibentangkan dalam mesyuarat Kabinet pada 30 Jun nanti.

Timbalan menterinya, Datuk Seri Mahdzir Khalid berkata, laporan paras air di setiap empangan sama ada untuk tujuan pertanian, bekalan air bersih, hidroelektrik dan tebatan sungai perlu diserahkan bagi mengetahui situasi sebenar bekalan air negara.

Menurutnya, kementerian akan membentangkan laporan itu dalam mesyuarat Kabinet yang dipengerusikan Timbalan Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin bagi membincangkan persediaan negara menghadapi fenomena El Nino.

"Mungkin sekarang ini cuaca

agak panas dan ramai menyangka kesan El Nino sudah melanda negara sedangkan sekarang ini masih lagi dalam musim perantaraan angin monsun barat daya.

"Bagaimanapun, kementerian akan mengambil langkah persediaan termasuk pemantauan paras air di setiap empangan," katanya.

Dalam perkembangan lain, Mahdzir menafikan dakwaan badan bukan kerajaan (NGO) yang mengatakan kerja pembinaan rangkaian pencawang milik Tenaga Nasional Berhad (TNB) di hutan simpan di Pahang itu menjejaskan kawasan rekreasi Air Terjun Lentang.

Katanya, kerja pembersihan kawasan itu dijalankan mengikut syarat yang ditetapkan dalam Akta Perhutanan Negeri Pahang bagi membolehkan projek TNB sejauh 20 kilometer berjalan mengikut jadual dan tiada pelanggaran kawasan seperti yang didakwa.